

## Berita Harian Mac 2020

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1	Isnin 2 Mac 2020	Kes SRC bersambung petang ini	SRC International Sdn Bhd	3
2	Isnin 2 Mac 2020	Di mana Najib pada 11 Januari 2010?	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	4
3	Selasa 3 Mac 2020	Peguam berada di Riyadh pada November 2015	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	6
4	Rabu 4 Mac 2020	Putera Saud kebal, SPRM gagal dapat tandatangan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	8
5	Rabu 4 Mac 2020	Ku Nan emosi selepas asetnya didedah kepada umum	Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor	10
6	Khamis 5 Mac 2020	'RM2 juta umpama duit poket saya' - Ku Nan	Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor	12
7	Khamis 5 Mac 2020	SPRM siasat pendedahan aset Ku Nan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	15
8	Jumaat 6 Mac 2020	AS tangguh pemulangan RM1 bilion dana 1MDB kepada Malaysia	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	16
9	Isnin 9 Mac 2020	Rakaman audio: SPRM tidak dapat kebenaran Peguam Negara	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	18
10	Selasa 10 Mac 2020	Perbicaraan 1MDB dilapangkan, beri laluan Najib selesai kes SRC International	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	21
11	Selasa 10 Mac 2020	SPRM sudah menyediakan kertas siasatan dan cadangan pertuduhan terhadap Najib bagi mendakwa bekas Perdana Menteri itu pada 2015	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	23

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
12	Selasa 10 Mac 2020	Mahdzir hantar surat sendiri kepada Najib untuk bayaran interim Jepak	projek membekalkan tenaga solar	24
13	Selasa 10 Mac 2020	SPRM cadang tuduh Najib sejak 2015	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	26
14	Rabu 11 Mac 2020	Perbicaraan kes dana SRC International: Pembelaan tutup kes	SRC International Sdn Bhd	29
15	Rabu 11 Mac 2020	Rosmah tanya mengenai bayaran pendahuluan, kontrak projek solar	projek membekalkan tenaga solar	30
16	Rabu 11 Mac 2020	Kes SRC: Hujahan akhir bermula 12 Mei	SRC International Sdn Bhd	32
17	Rabu 11 Mac 2020	Bekas KSU akui tidak tahu SST projek solar	projek membekalkan tenaga solar	34
18	Selasa 17 Mac 2020	Usaha kembalikan dana 1MDB diteruskan	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	36
19	Selasa 31 Mac 2020	Bicara kes rasuah projek solar Rosmah sambung 15 April	projek membekalkan tenaga solar	38



**BEKAS Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali.**

### **1. Kes SRC bersambung petang ini**

KUALA LUMPUR: Perbicaraan kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd yang dihadapi Datuk Seri Najib Razak ditangguhkan ke petang ini.

Bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali sepatutnya dipanggil untuk memberikan keterangan selaku saksi pembelaan hari ini.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah memberitahu Mahkamah Tinggi, ibu Mohamed Apandi masih sakit dan pihak pembelaan tidak mahu memberikan tekanan kepada saksi itu.

Muhammad Shafee berkata, pihaknya sudah memberikan sepina kepada Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Latheefa Koya dan dijangka memberikan keterangan esok.

Hakim Mahkamah Tinggi Mohd Nazlan Mohd Ghazali kemudian memerintahkan perbicaraan bersambung petang ini.

Sementara itu, Hakim Mahkamah Tinggi Collin Lawrence Sequerah menetapkan Selasa depan bagi perbicaraan kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana RM2.3 bilion dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang turut dihadapi Najib.



**Najib berehat seketika sebelum bersambung prosiding bela diri terhadap tuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.**

## 2. Di mana Najib pada 11 Januari 2010?

KUALA LUMPUR: Persoalan sama ada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sebenarnya memang berada di Riyadh, Arab Saudi pada 11 Januari 2010, belum dapat dibuktikan di Mahkamah Tinggi hari ini.

Ia berikutan, Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Asisten Komisioner Mohd Nasharudin Amir, 48, yang sepatutnya mengemuka bukti mengenai keberadaan Najib pada prosiding pagi tadi, belum mendapat maklumat diperlukan.

Mohd Nasharudin yang juga bekas pegawai penyiasat kes skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB), berkata beliau belum menerima input berkaitan maklumat yang diminta pendakwaan.

Menurut saksi pembelaan itu, beliau pada masa sama meminta bantuan daripada pegawai penyiasat kes 1MDB untuk mendapatkan maklumat berkenaan.

Mohd Nasharudin berkata demikian ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram pada perbicaraan kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana RM42 juta milik SRC International yang dihadapi Najib.

Persoalan mengenai keberadaan Najib pada tarikh itu timbul dalam prosiding pada minggu lalu selepas terdapat dakwaan bahawa bekas Perdana Menteri itu berada di Kuala Lumpur bagi perasmian ibu pejabat 1MDB di Menara IMC, Jalan Sultan Ismail, di sini.

Sehubungan itu, Sithambaram meminta saksi pembelaan kesembilan itu untuk melakukan pemeriksaan dan mengemuka kepada mahkamah maklumat mengenai keberadaan Najib pada tarikh terbabit.

Melalui keterangan saksi pembelaan sebelum ini, iaitu bekas Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman dan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom, menyatakan bahawa Najib berada di Arab Saudi bagi sesi lawatan pada 11 Januari hingga 16 Januari 2010.

Sementara itu, Mohd Nasharudin mengemuka kepada mahkamah buletin Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang menunjukkan bahawa Jamil Khir berada di Kuala Lumpur merasmikan satu majlis pada tarikh berkenaan.

Ini bertentangan dengan testimoni bekas menteri itu sebelum ini bahawa beliau berada di Arab Saudi bagi menghadiri pertemuan dengan Raja Arab Saudi, Raja Abdullah Abdulaziz Al-Saud pada 11 Januari 2010 untuk membincangkan mengenai derma politik yang sepatutnya diterima Najib.

Jamil Khir dalam keterangannya sebelum itu mengakui beliau berada bersama ketika Najib bertemu dengan Raja Abdullah, ketika kedua-dua pemimpin berkenaan berbincang mengenai derma terbabit yang akan dimasukkan ke dalam akaun peribadi Najib.

Berdasarkan kepada keterangan Jamil Khir, pertemuan tidak rasmi itu berlangsung di Istana Raja Abdullah di Riyadh dan beliau (Jamil Khir) berada di sana atas kapasiti menteri yang menguruskan hal ehwal agama.

Mohd Nasharudin yang ditanya lanjut mengenai buletin terbabit berkata, edisi Februari buletin itu turut mengandungi gambar Jamil Khir pada majlis berkenaan.

Sementara itu, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib memberitahu mahkamah, Ketua Pesuruhjaya SPRM Latheefa Koya dan bekas penasihat undang-undang MIC, Datuk Selva Mookiah akan memberikan keterangan sebagai saksi pembelaan esok.

Katanya, pihak pembelaan sudah menyerahkan sepina kepada Latheefa, manakala sesi temu bual akan dijalankan dengan Mookiah pada malam ini.

### 3. Peguam berada di Riyadh pada November 2015

KUALA LUMPUR: Seorang pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan seorang peguam yang juga bekas penasihat undang-undang MIC, Datuk Selva Mookiah berada di Riyadh, Arab Saudi pada November 2015 semasa pihak SPRM melakukan siasatan berkaitan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di sana.

Asisten Komisioner SPRM Mohd Nasharudin Amir, 48, yang sebelum ini pegawai penyiasat kes 1MDB membabitkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memberitahu Mahkamah Tinggi hari ini, bahawa SPRM ke Riyadh pada 29 November 2015 bagi merakam percakapan seorang individu yang didakwa sebagai putera Arab Saudi, Putera Saud Abdul Aziz .

Saksi pembelaan kesembilan itu berkata demikian ketika disoal balas Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram pada perbicaraan kes SRC International Sdn Bhd yang memasuki hari ke-86 hari ini.

Mohd Nasharudin berkata, semasa di Riyadh, SPRM juga mengambil keterangan Eric Tan Kim Loong yang didakwa sebagai sekutu ahli perniagaan dalam buruan Low Taek Jho atau Jho Low.

Sithambaram: Mengikut pengetahuan kamu, dalam kapasiti apakah Selva berada di sana dan beliau mewakili siapa?

Mohd Nasharudin: Saya tidak pasti tentang tugas beliau di Riyadh. Saya cuma tahu beliau seorang peguam dan berada di Riyadh ketika itu.

Sithambaram: Adakah pada bila-bila masa di sana, Selva memberitahu kamu bahawa beliau adalah peguam yang mewakili Tan Kim Loong?

Mohd Nasharudin: Tidak.

Pada prosiding itu, pihak pembelaan Najib yang diketuai Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah juga memanggil dua lagi pegawai SPRM yang juga saksi pembelaan ke-10 dan ke-11, iaitu Azhari Karim dan Ting Ing Ping bagi mengesahkan rakaman percakapan Jho Low dan Eric Tan yang diambil pada 2015.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya yang disepina dua hari lalu, hadir ke mahkamah untuk memberikan keterangan bagi pihak pembelaan.

Latheefa bagaimanapun memberitahu Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali, beliau mempunyai mesyuarat penting yang turut dihadiri ketua agensi lain dan memohon untuk memberi keterangan pada Khamis ini.

Hakim Mohd Nazlan membenarkan permohonan itu.

Sebelum prosiding hari ini berakhir, Muhammad Shafee memaklumkan mahkamah bahawa bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad dan bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib, Tan Sri Shukry Mohd Salleh juga disepina untuk memberi keterangan di mahkamah.

Najib membela diri terhadap tujuh pertuduhan menyalahgunakan sebanyak RM42 juta dana SRC International Sdn Bhd yang terdiri daripada tiga pertuduhan pecah amanah, tiga pertuduhan pengubahan wang haram dan satu pertuduhan menyalahgunakan kedudukan berhubung dengan dana SRC.



NAJIB hadir pada prosiding bela diri terhadap tuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

#### 4. Putera Saud kebal, SPRM gagal dapat tandatangan

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) gagal menemuramah Putera Arab Saudi, Putera Saud Abdul Aziz Malik Abdul Aziz secara langsung ketika berada di Riyadh, Arab Saudi, kerana baginda mempunyai "kekebalan."

Sebaliknya, bekas Pengarah Bahagian Pengubahan Wang Haram dan Pelucutahan Harta (AMLFOP) SPRM, Penolong Kanan Pesuruhjaya Fikri Ab Rahim, berkata keterangan Putera Saud itu diambil melalui seorang peguam yang dilantik baginda, Muhammad Abdullah Al Koman.

Fikri dalam keterangannya, berkata selain gagal menemuramah Putera Saud secara terus, baginda juga tidak menandatangani keterangan yang diberikan menerusi Al Koman.

"Malah, keterangan itu ditandatangani Al Koman bagi pihak Putera Saud," katanya pada perbicaraan kes SRC International yang dihadapi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Saksi ke-12 pembelaan itu, berkata keterangan yang diambil daripada Putera Saud itu berhubung empat keping surat membabitkan derma RM2.6 bilion daripada kerajaan Diraja Saudi kepada Najib.

Ketika diminta oleh peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah untuk menceritakan semula kejadian pada 29 November 2015, Fikri, berkata, beliau pergi ke Riyadh bersama pegawai penyiasat, Nasharudin Amir; Pegawai SPRM, Mohd Hafaz Naza; Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki dan Tan Sri Dzulkifli Ahmad yang ketika itu sebagai wakil Pejabat Peguam Negara.

Sebaik tiba di istana, katanya, mereka diperkenalkan kepada tiga putera Arab iaitu Putera Faisal, Putera Turki dan Putera Saud Abdul Aziz.

"Sebelum keterangan diambil oleh SPRM, mereka bersetuju mengeluarkan pasport untuk tujuan pengecaman, namun kami tidak dibenarkan membuat salinan fotokopi kerana Putera Turki memaklumkan mereka mempunyai kekebalan."

"Pihak SPRM juga tidak dibenarkan berada dekat dengan putera-putera berkenaan kerana protokol diraja," katanya.

Pada pemeriksaan utama oleh Muhammad Shafee, Fikri turut memberitahu mahkamah, ketika di Riyadh, SPRM juga sempat mengambil keterangan Eric Tan Kim Loong yang didakwa sekutu ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low bagi membantu siasatan kes.

"Eric Tan kelihatan sudah biasa dengan keadaan istana dan boleh bercakap secara langsung dengan ketiga-tiga putera Saudi itu. Berlainan dengan kami yang perlu menjaga protokol ketika berada di dalam istana."

"Kami mencapai kesepakatan bersama peguam Datuk Selva Mookiah yang mewakili Eric Tan, di mana anak guamnya tidak akan ditangkap sekiranya memberikan kerjasama kepada pihak SPRM," katanya.

Tambah Fikri lagi, kesepakatan itu juga diberikan kepada dua lagi individu yang mempunyai kaitan dengan SRC International iaitu Ketua Pegawai Eksekutif dan bekas Pengarahnya, Nik Faisal Ariff Kamil dan Datuk Suboh Md Yassin.

Perbicaraan di hadapan Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali bersambung esok.



bekas Pengarah Bahagian Pengubahan Wang Haram dan Pelucutahan Harta SPRM, Fikri Ab Rahim hadir memberi keterangan pada prosiding bela diri Datuk Seri Najib Razak terhadap tuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana RM4 juta SRC International di Mahkamah Jalan Duta, hari ini.



**Bekas Menteri Wilayah Persekutuan. Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor (tengah) ketika hadir ke Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur hari ini pada prosiding bela diri beliau terhadap tuduhan menerima suapan RM2 juta daripada seorang ahli perniagaan empat tahun lepas.**

##### **5. Ku Nan emosi selepas asetnya didedah kepada umum**

KUALA LUMPUR: Selepas Mahkamah Tinggi menolak permohonan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor untuk pengisytiharan asetnya didengar dalam prosiding secara tertutup, tanpa kehadiran orang awam atau pihak media, bekas Menteri Wilayah Persekutuan itu gagal mengawal perasaan di bilik bicara.

Ketika pemeriksaan balas oleh Timbalan Pendakwa Raya Julia Ibrahim, dalam prosiding membela diri bagi tuduhan menerima RM2 juta daripada ahli perniagaan Tan Sri Chai Kin Kong, Ahli Parlimen Putrajaya itu meninggikan suaranya apabila ditanya sama ada ayat dalam pernyataan saksinya pendapat peribadi.

"Apabila saya katakan saya tidak mahu mengisyiharkan diri saya, ia kerana di khalayak ramai, anda tahu mengapa. Sekarang saya menghadapi masalah. Selepas saya mendedahkan hampir satu bilion (aset), mereka akan mensensasikannya," katanya dengan suara yang tegang dan penuh emosi.

Peguam Datuk Hock Chuan yang mewakili bekas Setiausaha Agung UMNO itu kemudian mencelah dan meminta mahkamah berhenti rehat seketika untuk menenangkan Tengku Adnan.

Terdahulu, Hakim Mohamed Zaini Mazlan yang mendengar perbicaraan itu dalam keputusannya terhadap pengisytiharan aset memutuskan bahawa untuk perbicaraan itu dijalankan secara adil, ia

mesti dilakukan secara telus dan orang awam mempunyai hak untuk mendengar apa yang didengar di mahkamah dan melihat apa yang dilihat di mahkamah.

"Dengan cara ini orang awam dapat menghargai apa sahaja keputusan yang dibuat oleh mahkamah dan tidak tertanya-tanya dengan apa-apa keterangan yang disimpan rahsia," katanya sambil menambah bahawa Tengku Adnan gagal meyakinkan mahkamah bahawa ia untuk kepentingan keadilan atau menunjukkan sebab yang cukup dalam permohonannya.

"Sebaliknya, tertuduh bimbang asetnya dan keluarganya dimaklumkan secara terbuka. Beliau, antara lain, takut keselamatan keluarganya sekiranya butiran kekayaannya diketahui umum.

"Saya berpendapat bahawa untuk berbuat demikian sebenarnya akan bertentangan dengan kepentingan keadilan. Saya sedar hakikat bahawa tertuduh bekas menteri persekutuan dan kes ini mendapat liputan meluas. Perbicaraan ini bukan sahaja perlu dilakukan secara adil tetapi mesti dilihat secara adil," katanya.

Perbicaraan kemudian diteruskan dengan pemeriksaan utama oleh Hock Chuan dan Tengku Adnan, 69, berkata, beliau mengisyiharkan asetnya kepada tiga perdana menteri semasa beliau berkhidmat sejak menyertai Kabinet pada 2001, iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ditanya lanjut oleh Hock Chuan mengenai jumlah asetnya yang diisyihar kepada Dr Mahathir pada 2001, Tengku Adnan berkata: "Saya rasa ia melebihi RM900 juta."

Kepada soalan sama ada angka itu ialah RM938,643,566.16, bekas menteri itu menjawab: "Betul".

## 6. 'RM2 juta umpama duit poket saya' - Ku Nan

KUALA LUMPUR: Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, sekali lagi gagal mengawal perasaannya dalam prosiding membela diri kes rasuah yang dihadapinya, apabila mendakwa pihak pendakwaan sengaja ingin menjelaskan reputasinya.

Suasana di mahkamah yang masuk hari ketiga bagi Bendahari Agung UMNO itu membela diri bagi tuduhan menerima RM2 juta daripada ahli perniagaan Chai Kin Kong juga tegang seketika.

Ini berikutan, Timbalan Pendakwa Raya, Julia Ibrahim merujuk dan meminta Tengku Adnan menjelaskan ayat di perenggan lapan pernyataan saksinya yang menyatakan beliau sedih melihat perkara dan pendakwaan yang dikenakan terhadapnya hanya kerana beliau adalah penyumbang dana kepada UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Tengku Adnan kemudian dengan nada marah menegaskan bahawa pendakwaan terhadapnya adalah tidak adil dan berbentuk diskriminasi.

Beliau kemudian mempersoalkan tindakan Pejabat Peguam Negara yang menggugurkan pertuduhan yang sama dikenakan terhadap bekas Menteri Kewangan sebelum ini, sebaliknya mendakwa dan meneruskan pendakwaan terhadapnya.

"Ia adalah tidak adil...anda (Timbalan Pendakwa Raya) dari awal sudah bercakap kepada media dan merosakkan (tarnish) saya.

"Apa yang ingin saya sampaikan adalah sekiranya Pejabat Peguam Negara boleh menggugurkan pertuduhan terhadap bekas Menteri Kewangan sebelum ini, kenapa pendakwaan ini diteruskan terhadap saya," katanya.

Diperdayai, Tengku Adnan merujuk kepada Lim Guan Eng yang juga bekas Ketua Menteri Pulau Pinang berhubung pembelian sebuah lot tanah dan banglo serta ahli perniagaan Phang Li Koon dakwaan bersubahat.

Mendengar soalan itu, Julia berkata perkara berkenaan perlu ditanya kepada Peguam Negara

"Sekarang tiada Peguam Negara," balas Tengku Adnan.

Ketika ditanya pendakwaan sama ada wang RM2 juta yang diterima itu direkod dan dimaklumkan kepada Majlis Tertinggi UMNO atau Presiden, Tengku Adnan bagaimanapun berkata tiada rekod mengenainya dan ia tiada kena mengena dengan ibu pejabat parti itu.

Sebaliknya, Tengku Adnan, berkata tiada keperluan untuk memaklumkan kepada ibu pejabat UMNO kerana wang itu ditujukan kepada UMNO Wilayah Persekutuan di mana ketika itu beliau adalah Ketua Bahagian.

Pada prosiding itu, Tengku Adnan sekali lagi berang apabila diajukan soalan berhubung penerimaan RM2 juta yang tidak direkodkan melalui buku resit ibu pejabat UMNO, sebaliknya beliau menjawab: "Wang berkenaan diberikan kepada UMNO Wilayah Persekutuan.

"Cara anda cakap seperti saya mengambil duit itu untuk rasuah... jangan cakap macam itu, tidak baik," katanya.

Malah, Tengku Adnan menegaskan bahawa jumlah RM2 juta itu adalah tidak terlalu besar buat beliau sebaliknya hanya sekadar duit poket.

Beliau juga menjelaskan bahawa wang berjumlah RM2 juta yang diberikan oleh Pengarah Aset Kayamas Sdn Bhd (AKSB), Tan Sri Chai Kin Kong ialah derma politik untuk UMNO Wilayah Persekutuan.

Justeru ia tidak perlu dilaporkan kepada Perdana Menteri ketika itu (Datuk Seri Najib Razak) kerana ia bukan hadiah.

Pada prosiding itu juga, Tengku Adnan juga menafikan menerima wang berkenaan untuk kegunaan sendiri, sebaliknya menegaskan ia adalah untuk kegunaan parti.

"Saya tidak bersetuju, ia bukan hadiah... ia adalah derma politik untuk kegunaan politik, bukan hadiah kepada saya atau sesiapa, kenapa perlu saya laporkan kepada Perdana Menteri," katanya ketika menjelaskan mengenai etika larangan Ahli Parlimen daripada menggunakan jawatan untuk kepentingan peribadi.

Perbicaraan disambung semula di hadapan Hakim Mohamed Zaini Mazlan.



**Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor ketika hadir prosiding bela diri kes rasuah RM2 juta di Mahkamah Tinggi Jenayah 2**



**Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor (tengah) pada prosiding bela diri kes rasuah RM2 juta di Mahkamah Tinggi Jenayah 2, semalam.**

#### **7. SPRM siasat pendedahan aset Ku Nan**

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memulakan siasatan terhadap bekas Menteri Wilayah, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berhubung aset berjumlah kira-kira RM800 juta yang didedahkannya di Mahkamah Tinggi di sini semalam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, berkata pihaknya tidak berminat mengenai jumlah aset yang didedahkan tetapi mahu menyiasat 'bagaimana ia diperoleh'.

Katanya, pendedahan mengenai aset Tengku Adnan ketika perbicaraan rasuah bekas menteri itu semalam adalah perkara yang serius.

"Saya sudah mengarahkan SPRM untuk memulakan siasatan. Isu kami bukan membabitkan pendedahan aset tetapi bagaimana beliau memperolehinya," katanya.

Beliau ditemui selepas memberi keterangan selaku saksi ke-13 pembelaan pada perbicaraan hari ke-88 kes SRC International membabitkan Datuk Seri Najib Razak hari ini.

Pada perbicaraan kes rasuahnya semalam, Tengku Adnan berkata beliau mengisyiharkan harta berjumlah RM938,643,566.16 kepada Tun Dr Mahathir Mohamad pada tahun 2001.



Gambar hiasan

#### **8. AS tangguh pemulangan RM1 bilion dana 1MDB kepada Malaysia**

KUALA LUMPUR: Jabatan Keadilan (DOJ) Amerika Syarikat (AS) menangguhkan pemulangan AS\$240 juta (RM1 bilion) yang diseleweng daripada dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB)

Reuters, yang memetik maklumat sumber, melaporkan keputusan itu dibuat susulan ketidaktentuan politik berikutnya peletakan jawatan Perdana Menteri oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada 24 Februari lalu.

Beliau digantikan oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang kini mengetuai kerajaan campuran membabitkan UMNO yang menerajui kerajaan terdahulu, sebelum kalah pada Pilihan Raya Umum ke-18 (PRU-18), antara lain kerana skandal 1MDB.

DOJ berkata, lebih AS\$4.5 bilion (RM18.8 bilion) diseleweng daripada dana di bawah kawalan bekas perdana menteri merangkap bekas Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak, yang kini dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan rasuah.

Sejak 2016, DOJ memfailkan saman sivil bagi merampas aset sekitar AS\$1.7 bilion (RM7.1 bilion) yang dibeli menggunakan dana 1MDB.

Mei lalu, AS mula memulangkan dana yang berjaya ditemui semula, membabitkan bayaran pertama hampir AS\$200 juta (RM836 juta).

Kata sumber, mengikut jadual awal DOJ, pemulangan dana seterusnya ialah pada 19 Februari lalu tetapi pemindahan wang berkenaan tidak berlaku berikutan isu teknikal.

"Jumlah terbabit ialah sekitar RM1 bilion tetapi sebaik Dr Mahathir meletak jawatan, keputusan dibuat untuk menangguhkan pembayaran berikutnya ketidaktentuan mengenai apa yang akan berlaku," katanya.

Jurucakap DOJ enggan mengulas lanjut manakala pertanyaan kepada Kementerian Kewangan Malaysia dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara, yang tidak memberi komen.

Sumber turut memaklumkan mereka tidak pasti apa tindakan DOJ seterusnya berhubung dana yang sepatutnya didepositkan dalam tabung khas di Kementerian Kewangan, untuk membayar hutang 1MDB.

Penyiasat AS dan Malaysia berkata Najib menerima kira-kira AS\$1 bilion (RM4.1 bilion) dana 1MDB yang diseleweng.

Bagaimanapun, dia mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan itu, sebaliknya mendakwa diperdaya ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low dan pegawai 1MDB lain.

Siasatan terhadap Najib hanya dimulakan selepas kekalahan mengejut kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan UMNO pada PRU-18 dan siasatan 1MDB dibuka semula.

Goldman Sachs dan beberapa eksekutifnya adalah antara yang didakwa atas peranan mereka mengurus dan mengendalikan tiga jualan bon berjumlah AS\$6.5 bilion (RM27 bilion) untuk 1MDB.

Goldman Sachs mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan itu dan baru-baru ini, Najib memberitahu Reuters bahawa beliau mengharapkan suasana perbicaraan lebih saksama memandangkan Dr Mahathir tidak berkuasa lagi.

Muhyiddin belum mengulas mengenai kes 1MDB secara khusus tetapi beriknar akan memerangi rasuah.

Dua pegawai kanan di bawah pentadbiran Dr Mahathir sebelum ini, Peguam Negara, Tommy Thomas dan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Latheefa Koya, sudah meletak jawatan minggu lalu.



**Bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali hadir pada prosiding bela diri Datuk Seri Najib Razak terhadap tuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta SRC International Sdn. Bhd di Mahkamah Tinggi.**

#### **9. Rakaman audio: SPRM tidak dapat kebenaran Peguam Negara**

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak pernah mendapatkan kebenaran Peguam Negara untuk melakukan pemintasan perbualan telefon membabitkan beberapa individu penting, termasuk Datuk Seri Najib Razak.

Sebaliknya bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali menegaskan beliau tidak tahu berhubung sembilan rakaman audio yang didedahkan SPRM pada 8 Januari lalu.

Apandi yang menjadi Peguam Negara pada 2015 sehingga 2018, berkata SPRM ketika itu tidak mendapatkan kebenarannya untuk melakukan sebarang pemintasan rakaman telefon membabitkan pendedahan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan skandal SRC International Sdn Bhd.

Ketika ditanya peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah berhubung syarat sebelum sebarang pemintasan sah dilakukan, Mohamed Apandi menjawab: "Perlu mendapat kebenaran daripada Peguam Negara".

Muhammad Shafee: Adakah Peguam Negara ketika itu ialah anda?

Mohamed Apandi: Iya

Muhammad Shafee: Mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009, adakah SPRM datang memaklumkan mengenai pemintasan itu?

Mohamed Apandi: Tidak.

"Saya tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai dakwaan rakaman perbualan telefon berkenaan," katanya pada perbicaraan kes SRC yang masuk hari ke-90 di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

Terdahulu pada awal prosiding, Mohamed Apandi memberitahu mahkamah beliau mengeluarkan kenyataan media pada 26 Januari 2016 membabitkan SRC International selepas berpuas hati bahawa wang RM2.6 bilion, sumbangan keluarga kerabat Diraja Arab Saudi.

Mohamed Apandi yang juga saksi ke-14 pembelaan, berkata ketika itu orang ramai ingin mengetahui perkembangan dan siasatan membabitkan SRC yang sudah lama dijalankan.

Sehubungan itu, katanya, bagi memuaskan kehendak orang ramai, beliau mengeluarkan kenyataan media bagi memaklumkan perkembangan kes itu.

"Saya berpuas hati bahawa kelulusan pinjaman oleh Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dilakukan secara teratur selepas meneliti kertas siasatan dan mendapati tiada bukti menunjukkan Najib melakukan sebarang kesalahan ataupun kegiatan rasuah."

"Pihak SPRM juga mengakui tiada sebarang bukti menunjukkan Perdana Menteri ketika itu melakukan amalan rasuah," katanya.

Menjawab soalan Muhammad Shafee sama ada terdapat cubaan untuk menutupi kesalahan Najib, Mohamed Apandi menjawab: "Semestinya tidak".

"Saya juga tidak pernah memberi sebarang arahan untuk menutupi kesalahan itu," katanya.

Sementara itu, saksi ke-15 pembelaan, Penolong Pengarah Siasatan Jenayah Korporat, ACP R Rajagopal, berkata beliau menghadiri mesyuarat pasukan petugas khas pada 4 Julai 2016 di rumah bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail di Bukit Tunku, kira-kira jam 10 pagi.

Katanya, pasukan petugas khas itu dianggotai Gani Patail, bersama bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar; bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan bekas Gabenor Bank Negara, Zeti Akhtar Aziz.

"Saya menghadiri mesyuarat itu sebanyak dua kali bagi menggantikan (Khalid) bekas Ketua Polis Negara.

"Pada mesyuarat itu antara arahan yang diberikan ialah pihak polis diarah untuk menjalankan pemeriksaan di pejabat 1MDB dan merampas dokumen bagi tujuan siasatan," katanya.

Ketika ditanya Muhammad Shafee sama ada pasukan petugas khas itu mengambil cadangan Abu Kassim untuk mendakwa Najib, Rajagopal menjawab: "Tidak".

Terdahulu, pada prosiding perbicaraan kes itu, mahkamah memanggil bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya untuk menyambung semula keterangannya pada sesi soalan utama oleh Muhammad Shafee.

Bagaimanapun, suasana mahkamah bertukar tegang apabila Latheefa dilihat enggan mendedahkan prosedur SPRM dalam menjalankan pintasan rakaman perbualan telefon dengan alasan ia tertakluk di bawah Akta Rahsia Rasmi.

Ketika ditanya mengenai siasatan SPRM berhubung RM4 bilion yang dihantar ke Bank BSI di Switzerland, Latheefa berkata, beliau tidak dipanggil menjadi saksi pembelaan untuk menjawab soalan itu.

"Adakah saya sedang disoal-balas?



#### 10. Perbicaraan 1MDB dilapangkan, beri laluan Najib selesai kes SRC International

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini melapangkan tarikh yang dijadual hari ini, bagi perbicaraan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dihadapi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk memberi laluan kepada perbicaraan kes SRC International Sdn Bhd yang sedang berlangsung.

Ini susulan permohonan dikemukakan pihak pembelaan diketuai peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah untuk melapangkan prosiding sambung perbicaraan 1MDB yang dijadual hari ini, kerana masih belum selesai dengan perbicaraan kes SRC International yang turut membabitkan Najib.

"Kes SRC International kini sudah berada di peringkat terakhir pembelaan dan kes pembelaan dijangka akan ditutup pada hari ini atau esok (Rabu)," kata Muhammad Shafee ketika pengurusan kes itu di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah.

Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib yang mewakili pendakwaan tidak membantah permohonan itu.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Mustapa P. Kunyalam ketika dihubungi berkata Hakim Sequerah turut mengarahkan sekiranya perbicaraan kes SRC International dapat diselesaikan pada hari ini, perbicaraan kes 1MDB akan bermula esok.

"Sebaliknya, jika kes SRC masih belum selesai hari ini, perbicaraan 1MDB akan bermula Khamis," katanya.

Tarikh lain bagi perbicaraan kes 1MDB kekal seperti ditetapkan sebelum ini oleh Hakim Sequerah, iaitu 11-13, 19-20, 23-27, 30-31 Mac, seluruh bulan April, 4 Mei dan semua hari bekerja pada Jun sehingga Oktober, termasuk Jumaat untuk mendengar kes itu.

Apabila prosiding 1MDB kembali bersidang, Muhammad Shafee dijangka meneruskan pemeriksaan balas kepada saksi kesembilan pihak pendakwaan, bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Shahrol Azral Ibrahim Halmi.

Bagi kes 1MDB, Najib, 67, berdepan empat pertuduhan iaitu menggunakan kedudukannya untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah wang sama.

Bagi kes SRC International pula, Najib sedang membela diri terhadap tiga pertuduhan pecah amanah (CBT), tiga pertuduhan pengubahan wang haram dan satu pertuduhan salah guna kedudukan berkaitan dengan dana syarikat itu.



**11. SPRM sudah menyediakan kertas siasatan dan cadangan pertuduhan terhadap Najib bagi mendakwa bekas Perdana Menteri itu pada 2015.**

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah menyediakan kertas siasatan dan cadangan pertuduhan terhadap Datuk Seri Najib Razak bagi mendakwa bekas Perdana Menteri itu pada 2015.

SPRM mencadangkan pendakwaan terhadap Najib dibuat mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan dan pertuduhan alternatif mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Perkara itu dimaklumkan bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad, 52, dalam keterangannya pada perbicaraan kes SRC International yang dihadapi Najib di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

Bagaimanapun, Dzulkifli memberitahu mahkamah, Peguam Negara pada ketika itu, Tan Sri Mohamed Apandi Ali, meminta SPRM membuat siasatan lanjut berhubung dua isu penting.

"Peguam Negara meminta SPRM menyiasat sama ada Najib mempunyai pengetahuan wang yang masuk ke akaun beliau adalah daripada SRC.

"SPRM juga diminta menjalankan siasatan bagi mengetahui sama ada Najib mengarahkan mana-mana individu untuk memasukkan wang ke dalam akaunnya," katanya



**Bekas Setiausaha Bahagian (SUB) di Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset KPM, Kamarudin Abdullah**

#### **12. Mahdzir hantar surat sendiri kepada Najib untuk bayaran interim Jepak**

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi yang mendengar perbicaraan kes rasuah Datin Seri Rosmah Mansor hari ini, diberitahu bekas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, menghantar sendiri surat kepada Datuk Seri Najib Tun Razak, bagi memohon pengecualian dokumen tertentu supaya kementerian itu boleh membayar tuntutan interim kepada Jepak Holdings Sdn Bhd.

Bekas Setiausaha Bahagian (SUB) di Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kamarudin Abdullah, 61, berkata surat bertarikh 19 Julai 2017 yang menggunakan kepala surat menteri dihantar kepada bekas Perdana Menteri yang juga bekas Menteri Kewangan tanpa melalui beliau.

Menurut saksi pendakwaan ke-10 itu, bayaran interim tersebut adalah bagi membolehkan Jepak Holdings membekalkan diesel untuk sekolah luar bandar di Sarawak dan sekiranya pembayaran tidak dibuat, ia akan menyebabkan sekolah tersebut 'bergelap'.

"Saya bagaimanapun hanya terlibat ketika bayaran pertama interim dibuat (kepada Jepak Holdings) iaitu antara RM60 ke RM70 juta," katanya ketika pemeriksaan balas oleh peguam yang mewakili Rosmah, Azrul Zulkifli Stork.

Rosmah, 68, dibicarakan atas satu pertuduhan meminta RM187.5 juta dan dua pertuduhan menerima rasuah RM6.5 juta daripada Pengarah Urusan Jepak Holdings, Saidi Abang Samsudin, menerusi bekas pembantu Rosmah iaitu Datuk Rizal Mansor bagi projek membekalkan tenaga solar bernilai RM1.25 bilion kepada 369 sekolah luar bandar di Sarawak.

Rosmah dituduh melakukan perbuatan itu di tiga tempat berasingan iaitu Lygon Cafe, Sunway Putra Mall, Jalan Putra, di sini, kediamannya di Jalan Langgak Duta, Taman Duta, di sini dan di kediaman Seri Perdana, Persiaran Seri Perdana, Presint 10, Putrajaya, antara Januari 2016 dan 7 Sept 2017.

Mahdzir dalam keterangannya sebelum ini berkata beliau telah mengarahkan pegawai di KPM untuk menyediakan surat itu atas permintaan Rizal berikutan Jepak Holdings berdepan masalah mendapatkan bayaran untuk kerja-kerja gendet diesel yang telah dilaksanakan sejak Januari 2017.

Kamarudin yang memberi keterangan pada hari ke-12 perbicaraan turut ditanya Azrul mengenai tindakan Mahdzir mengarahkan supaya satu klausa dalam Surat Setuju Terima (SST) berhubung projek solar hibrid itu dikeluarkan, yang saksi itu berkata pindaan terhadap klausa itu hanya boleh dibuat atas arahan Kementerian Kewangan.

Azrul: Setuju atau tidak, tiada arahan daripada Kementerian Kewangan (untuk buat pindaan).

Kamarudin: Tidak ada.

Dalam keterangannya sebelum ini, Mahdzir berkata beliau bersetuju untuk mengeluarkan satu klausa dalam SST tersebut selepas menerima panggilan daripada Rizal bagi pihak Rosmah pada 10 Nov 2016.

Menurut Mahdzir yang merupakan saksi pendakwaan kelima, klausa tersebut adalah berkenaan hak KPM untuk menamatkan kontrak dan mengurangkan bilangan sekolah untuk pelaksanaan projek solar hibrid sekiranya ada sekolah yang telah disambung ke talian grid elektrik.



### 13. SPRM cadang tuduh Najib sejak 2015

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah menyediakan kertas siasatan dan cadangan pertuduhan terhadap Datuk Seri Najib Razak bagi mendakwa bekas Perdana Menteri itu pada 2015.

SPRM mencadangkan pendakwaan terhadap Najib dibuat mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan dan pertuduhan alternatif mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Perkara itu dimaklumkan Bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad, 52, dalam keterangannya pada perbicaraan kes SRC International yang dihadapi Najib di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

Terdahulu Dzulkifli memberitahu mahkamah, bagaimanapun Peguam Negara pada ketika itu, Tan Sri Mohamed Apandi Ali, mengarahkan SPRM untuk membuat siasatan lanjut berhubung dua isu penting.

Peguam Negara meminta SPRM menyiasat sama ada Najib mempunyai pengetahuan bahawa wang yang masuk ke akaun beliau adalah daripada SRC.

"SPRM juga diminta menjalankan siasatan bagi mengetahui sama ada Najib mengarahkan mana-mana individu untuk memasukkan wang ke dalam akaunnya," katanya



**Bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad.**

Menjawab soalan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, sama ada SPRM kembali dengan siasatan lanjut, Dzukifli menjawab: "Ya."

"Bagaimanapun, SPRM tidak menjawab soalan yang ditimbulkan dan memaklumkan bahawa tiada keterangan menyatakan Najib memberi arahan untuk wang dimasukkan ke dalam akaunnya.

"Selepas itu kami mengkaji kembali minit yang dikemukakan SPRM dan mengangkatnya kepada Peguam Negara untuk membuat keputusan," katanya.

**Muhammad Shafee:** Apa yang dilakukan oleh Peguam Negara selepas dapat kertas siasatan?

**Dzulkifli:** Buat kes NFA (No Further Action) kertas untuk simpanan.

**Muhammad Shafee:** Diputuskan tiada pendakwaan untuk kes mana?

**Dzulkifli:** Kedua-duanya, kerana cadangan SPRM adalah Seksyen 403 KK.

"Elemen penting dalam Seksyen 403 KK adalah pengetahuan.

**Muhammad Shafee:** Seksyen 409 Kanun Keseksaan tidak pernah dicadangkan?

**Dzulkifli:** Tak

**Muhammad Shafee:** Selepas kertas siasatan dipulangkan, apa tindakan SPRM?

**Dzulkifli:** Merujuk kembali kepada Peguam Negara untuk kaji semula keputusan itu.

"Bagaimanapun Peguam Negara mengekalkan keputusannya," katanya.

Ketika ditanya reaksinya ketika melihat kertas siasatan pertama dan cadangan pertuduhan terhadap Najib, Dzulkifli menjawab: "Saya amat terkejut."

Pada prosiding itu juga, bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib, Tan Sri Shukry Mohd Salleh, memberitahu mahkamah bahawa Najib mengarahkannya untuk mendapatkan aliran kewangan daripada Dzulkifli pada 26 Februari 2016.

Bagaimanapun, saksi pembelaan ke-15 itu berkata, beliau tidak ingat tindakan yang diambil oleh Dzulkifli selepas itu.



**Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hadir bagi Prosiding Bela Diri terhadap tuduhan pecah Amanah, Rasuah dan pengubahan Wang Haram Dana RM42 Juta SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.**

#### **14. Perbicaraan kes dana SRC International: Pembelaan tutup kes**

KUALA LUMPUR: Selepas memanggil 19 saksi pada perbicaraan kes dihadapi Datuk Seri Najib Razak berhubung penyelewengan dana SRC International Sdn Bhd berjumlah RM42 juta yang mengambil masa 33 hari di Mahkamah Tinggi di sini, pihak pembelaan menutup kesnya, hari ini.

Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali menetapkan empat hari bermula 12 Mei depan untuk mendengar hujahan di akhir kes pembelaan sebelum memutuskan sama ada bekas Perdana Menteri itu akan disabitkan kesalahan atau dibebaskan.

Peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah memaklumkan kepada Mohd Nazlan, pembelaan menutup kesnya terhadap Najib selepas pemeriksaan balas saksi terakhir membabitkan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Dengan ini, perbicaraan pembelaan yang bermula 3 Disember tahun lalu selama 33 hari dengan 19 saksi, sampai ke penghujung kes kami," katanya.



**Datin Seri Rosmah Mansor hadir bagi kes rasuah solar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur**

#### **15. Rosmah tanya mengenai bayaran pendahuluan, kontrak projek solar**

KUALA LUMPUR: Datin Seri Rosmah Mansor pernah bertanyakan perkembangan bayaran pendahuluan kepada Jepak Holdings Sdn Bhd (Jepak) bagi projek membekalkan tenaga solar bernilai RM1.25 bilion.

Perkara itu dimaklumkan Bekas Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Alias Ahmad dalam keterangannya pada perbicaraan kes rasuah yang dihadapi Rosmah di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

Saksi ke-12 pendakwaan itu juga, berkata isteri kepada Datuk Seri Najib Razak juga ada bertanya bila kontrak projek berkenaan boleh ditandatangani dan boleh dipercepatkan perkara itu bagi membolehkan bayaran kemajuan dibuat kepada Jepak.

Katanya, Rosmah bertanyakan mengenai perkara itu kepada Alias selepas mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan PERMATA Malaysia yang mana Alias adalah ahli tetap mesyuarat berkenaan.

"Saya tidak ingat bila tarikh sebenar mesyuarat tetapi saya pasti bahawa ia berlangsung ketika isu pembayaran pendahuluan timbul dan sebelum tarikh kontrak rasmi projek ini ditandatangani.

"Apabila mesyuarat itu selesai, Rosmah tanya saya berkaitan perkembangan bayaran pendahuluan kepada Jepak dan bila pembayaran itu boleh dibuat kerana syarikat tidak dapat bergerak tanpa bayaran berkenaan," katanya.

Ketika membacakan penyataan saksinya pada pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Farizul Hassan Bakri, Alias, berkata beliau kemudian memberitahu Rosmah bahawa terdapat isu berkenaan insurans yang digunakan oleh syarikat tidak diluluskan Kementerian Kewangan menyebabkan pembayaran tidak boleh dibuat atau ia melanggar proses perolehan kerajaan.

Rosmah, 68, dibicarakan atas satu pertuduhan meminta RM187.5 juta dan dua pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM6.5 juta daripada Pengarah Urusan Jepak, Saidi Abang Samsudin menerusi bekas pembantunya, Datuk Rizal Mansor bagi projek membekalkan tenaga solar bernilai RM1.25 bilion kepada 369 sekolah luar bandar di Sarawak.

Rosmah dituduh melakukan perbuatan itu di tiga tempat berasingan iaitu di Lygon Cafe, Sunway Putra Mall, Jalan Putra, di sini, kediannya di Jalan Langgak Duta, Taman Duta, di sini, di kediaman Seri Perdana, Persiaran Seri Perdana, Presint 10, Putrajaya, antara Januari 2016 dan 7 September 2017.

Alias yang memegang jawatan KSU pada 5 September 2016 hingga 22 Mei 2018 kemudiannya memberitahu mahkamah bahawa pihaknya mengambil serius pertanyaan Rosmah kerana ia datang daripada isteri Perdana Menteri.

Justeru, katanya beliau mengarahkan pegawai supaya mencari jalan penyelesaian terhadap masalah Jepak berkaitan isu bayaran pendahuluan, bayaran kemajuan dan penyediaan dokumen kontrak.

Katanya, kontrak itu ditandatangani pada 20 Jun 2017 antara dirinya bersama dengan pihak Jepak iaitu Saidi Abang Samsudin.

Alias berkata, pihaknya juga ada dihubungi bekas Pegawai Khas Rosmah iaitu Datuk Rizal Mansor dan Datuk Seri Azizah Abod bertanyakan berhubung status projek solar berkenaan.

Katanya, beliau juga ada menerima surat daripada Jepak yang mengandungi minit arahan dari Najib dengan arahan 'bersetuju dilaksanakan dengan segera' terhadap projek itu.

Perbicaraan dibuat di depan Hakim Mohamed Zaini Mazlan dan Rosmah diwakili peguam, Datuk Akberdin Abdul Kader.



**Pasukan pembelaan tutup kes, Mahkamah Tinggi beri empat hari bermula 12 Mei ini untuk hujahan akhir pembelaan sebelum putuskan sama ada Najib disabitkan atau dibebaskan.**

#### **16. Kes SRC: Hujahan akhir bermula 12 Mei**

KUALA LUMPUR: Selepas mengemukakan 19 saksi pembelaan pada perbicaraan tuduhan penyelewengan dana SRC International Sdn Bhd berjumlah 42 juta yang mengambil masa 33 hari, pasukan peguam bela Datuk Seri Najib Razak, menutup kes mereka hari ini.

Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali, menetapkan empat hari bermula 12 Mei ini untuk mendengar hujahan akhir pembelaan sebelum memutuskan sama ada bekas Perdana Menteri itu disabitkan kesalahan atau dibebaskan.

Peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, memaklumkan bahawa pasukannya menutup kes selepas pemeriksaan utama saksi terakhir, Penolong Pesuruhjaya Forensik Perakaunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Regjit Singh.

"Dengan ini pihak pembelaan sampai ke penghujung kes kami," katanya.

Sebanyak 807 eksibit ditender dalam perbicaraan selama 91 hari bermula pada 3 April 2019 yang turut membabitkan pelbagai nota prosiding dan kenyataan media dari Peguam Negara.

Pihak pendakwaan sebelum ini mengemukakan 57 saksi.

Najib selaku saksi pembelaan utama, memberi keterangan pada perbicaraan hari pertama yang bermula 3 Disember tahun lalu.

Antara saksi utama pembelaan yang mendapat perhatian adalah bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali; Bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad dan Latheefa Koya; Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom serta bekas Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman.

Najib, 66, yang menjadi perdana menteri keenam antara April 2009 hingga Mei 2018, adalah perdana menteri pertama dihadapkan ke mahkamah.

Beliau dituduh melakukan kesalahan itu antara 17 Ogos, 2011 dan 10 Februari 2015

Terdahulu sebaik prosiding bermula kira-kira jam 10 pagi ini, Dzulkifli, menyambung semula keterangananya pada sesi pemeriksaan utama oleh Muhammad Shafee.

Menjawab soalan Muhammad Shafee, sama ada terdapat cadangan oleh SPRM untuk mendakwa individu lain selain Najib pada 2015, Dzulkifli berkata: "Ada."

"SPRM mencadangkan supaya beberapa beberapa syarikat berkaitan SRC didakwa mengikut Sek 409 Kanun Keseksaan, antaranya Ketua Pegawai Eksekutif SRC, Nik Faisal Ariff Kamil dan Bekas Pengarahnya, Datuk Suboh Md Yassin.

"Bagaimanapun bekas peguam Negara pada ketika itu, Tan Sri Mohamed Apandi Ali meminta SPRM untuk membuka kertas siasatan baharu. Sehingga kini saya tidak mengetahui perkembangan kes ini," katanya.

Pada prosiding itu juga, Dzulkifli memberitahu mahkamah wang yang masuk ke dalam akaun peribadi Najib tidak semestinya bermaksud suatu kesalahan kecuali ia dibuat dengan niat dan pengetahuan.

"Bagaimanapun, adalah menjadi satu kesalahan jika wang berkenaan dibelanjakan.

"Kemasukan wang ke dalam akaun tidak semestinya menjadi suatu kesalahan, kecuali dibuat dengan niat dan pengetahuan," kata Dzulkifli sebelum ini adalah bekas Timbalan Pendakwa Raya.



**Bekas Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Alias Ahmad.**

#### **17. Bekas KSU akui tidak tahu SST projek solar**

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Alias Ahmad memberitahu Mahkamah Tinggi, di sini bahawa pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) kepada Jepak Holdings Sdn Bhd (Jepak) bagi projek solar bernilai RM1.25 bilion adalah tidak mengikut prosedur.

Melalui pemeriksaan balas oleh peguam dalam perbicaraan kes rasuah dihadapi Datin Seri Rosmah Mansor, Datuk Akberdin Abdul Kadir, Alias turut memberitahu bahawa pihaknya tidak dimaklumkan dan tidak tahu mengenai SST itu yang dikeluarkan pada 10 November 2016 iaitu selepas kira-kira dua bulan beliau menjadi KSU di kementerian itu.

Terdahulu melalui pernyataan saksi, Alias memberitahu bahawa beliau tidak ingat sama ada terbabit dalam penyediaan SST untuk projek solar tetapi mengakui pernah melihat surat terbabit selepas beberapa minggu ia ditandatangani oleh Datuk Seri Mahdzir Khalid yang juga Menteri Pendidikan ketika itu.

Berdasarkan prosedur, mana-mana projek yang bernilai lebih RM50 juta perlu melalui pengurusan nilai (VM) sebelum SST boleh dikeluarkan di bawah pekeliling Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Alias bersetuju dengan Akberdin bahawa penubuhan jawatankuasa pengurusan perolehan selepas SST dikeluarkan kepada Jepak adalah sia-sia namun beliau dinasihatkan oleh timbalannya untuk tetap menubuhkan jawatankuasa bagi menyelia perkara tertentu.

Alias juga bersetuju dengan cadangan Akberdin bahawa pengeluaran SST terhadap projek itu adalah satu perbuatan tidak mematuhi prosedur secara jelas dan dahsyat.

Akberdin kemudiannya berkata, dalam kes projek solar ini, terdapat kecuaian melampau apabila projek itu tidak melalui VM seperti yang dikehendaki oleh prosedur, sebelum SST dikeluarkan dan ia turut dipersetujui Alias.

Akberdin turut menyatakan bahawa Alias tidak berperanan sebagai pegawai yang menyelia, dan menjadi bahan ketawa kepada Kementerian Kewangan yang secara berterusan membantah permintaannya untuk bayaran pendahuluan, dan pengecualian khas bagi prosedur perolehan.

Alias kemudiannya turut mengakui kepada mahkamah bahawa sebagai manusia biasa, beliau melakukan kesalahan dan sepatutnya pegawainya yang lebih berpengalaman menasihati beliau.

"Saya bukan maksum dan sepatutnya mereka termasuk TKSU (Timbalan Ketua Setiausaha) menasihatkan saya," katanya.

Terdahulu dalam prosiding sama, Alias turut menafikan mengenali Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn Bhd, Saidi Abang Samsudin walaupun surat daripada syarikat itu kepada Datuk Seri Najib Razak yang ketika itu perdana menteri mengandungi permintaan supaya beliau dilantik sebagai pengurus tetap Lembaga Tender A, yang akan menyelia projek itu.

Namun, Alias mengakui bahawa beliau ada bermain golf dengan Saidi di Tropicana (Tropicana Golf & Country Resort).

Perbicaraan dijalankan di hadapan Hakim Mohamed Zaini Mazlan dan prosiding kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Farizul Hassan Bakri.



**Najib keluar dari mahkamah selepas prosiding kes pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sebelum ini.**

#### **18. Usaha kembalikan dana 1MDB diteruskan**

KUALA LUMPUR: Kerajaan berusaha untuk mendapatkan kembali dana 1Malaysia Development Bhd (1MDB) bernilai RM6.9 bilion yang sudah dikenal pasti.

Pejabat Perdana Menteri berkata, tindakan itu susulan taklimat khas oleh pasukan yang menjelak dana 1MDB di luar negara kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, hari ini.

Pasukan itu terdiri daripada wakil Jabatan Peguam Negara, Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan.

"Dalam taklimat itu, Muhyiddin dimaklumkan bahawa sejumlah RM1.4 bilion dana berjaya dikembalikan, hasil usaha pasukan petugas berkenaan, manakala sebanyak RM6.9 bilion lagi sudah dikenal pasti.

"Pasukan petugas turut memberikan perincian tindakan yang sudah dilaksanakan untuk membawa pulang dana 1MDB, disyaki disalahgunakan di 17 negara.

"Muhyiddin mengarahkan supaya usaha untuk menjelak dan mengembalikan dana 1MDB daripada pelbagai negara terus dilaksanakan," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Baru-baru ini, Jabatan Keadilan (DOJ) Amerika Syarikat (AS) menangguhkan pemulangan AS\$240 juta (RM1 bilion) yang diseleweng daripada dana 1MDB.

Agenzi media Reuters yang memetik maklumat sumber, melaporkan keputusan itu dibuat susulan ketidaktentuan politik berikutnya peletakan jawatan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada 24 Februari lalu.

Beliau digantikan Muhyiddin yang kini mengetuai kerajaan membabitkan UMNO yang menerajui kerajaan terdahulu, sebelum kalah pada Pilihan Raya Umum Ke-14, antara lain kerana skandal 1MDB.

DOJ dilaporkan berkata, lebih AS\$4.5 bilion (RM18.8 bilion) diseleweng daripada dana di bawah kawalan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang kini dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan rasuah.

**DATIN Seri Rosmah Mansor****19. Bicara kes rasuah projek solar Rosmah sambung 15 April**

KUALA LUMPUR: Perbicaraan kes rasuah membabitkan Datin Seri Rosmah Mansor berhubung pembekalan dan pemasangan sistem tenaga solar di 369 sekolah di Sarawak, akan bersambung di Mahkamah Tinggi di sini pada 15 April.

Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib berkata mahkamah memindahkan tarikh perbicaraan yang pada mulanya ditetapkan dari 6 April hingga 14 April, susulan langkah kerajaan melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April.

"Pihak pendakwaan menerima satu emel hari ini yang memaklumkan bahawa perbicaraan yang dijadualkan bersambung pada 6 April sehingga 14 April, ditiadakan.

"Lain-lain tarikh perbicaraan yang ditetapkan sebelum ini dari 15 April hingga 16, 20 April hingga 23, dan 28 April hingga 30, dikekalkan," katanya kepada BERNAMA menerusi aplikasi Whatsapp hari ini.

Pihak pembelaan akan meneruskan pemeriksaan balas saksi pendakwaan ke-12, bekas ketua setiausaha Kementerian Pendidikan Datuk Seri Alias Ahmad apabila perbicaraan bersambung di hadapan hakim Mohamed Zaini Mazlan.

Rosmah, 68, berdepan dengan satu pertuduhan meminta RM187.5 juta dan dua pertuduhan menerima suapan RM6.5 juta daripada Pengarah Urusan Jepak Holdings, Saidi Abang Samsudin menerusi bekas pembantu Rosmah, Datuk Rizal Mansor sebagai upah membantu Jepak Holdings mendapatkan Projek

Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid serta Penyelenggaraan dan Operasi Genset/Diesel bagi 369 sekolah luar bandar Sarawak secara rundingan terus daripada Kementerian Pendidikan.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Lygon Cafe, Sunway Putra Mall, Jalan Putra, di sini; kediamannya di Jalan Langgak Duta, Taman Duta dan di Kediaman Seri Perdana, Persiaran Seri Perdana, Presint 10, Putrajaya antara Januari 2016 dan 7 Sept 2017.

Isteri bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak itu didakwa mengikut Seksyen 16 (a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Rosmah sebelum ini sepatutnya dibicarakan bersama dengan Rizal, yang menghadapi empat pertuduhan meminta dan menerima rasuah bagi pihak Rosmah berhubung projek berkenaan, namun pada 8 Januari lalu mahkamah melepas dan membebaskan Rizal daripada pertuduhan itu selepas pihak pendakwaan menarik balik semua pertuduhan.

Rosmah juga menghadapi 12 pertuduhan untuk pengubahan wang haram melibatkan RM7,097,750 dan lima pertuduhan gagal mengisyiharkan pendapatannya kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Kes itu ditetapkan untuk perbicaraan pada bulan Mei nanti.